

Kesatuan pekerja KTMB akan dipujuk batal piket

BH 14 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Pegawai perhubungan perindustrian akan menemui Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KPPKTMB) bagi memujuk kesatuan itu membatalkan rancangan mengadakan piket berhubung isu tuntutan pelarasan gaji.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, pertemuan berkenaan bertujuan mencari jalan bagi menyelesaikan isu berkenaan.

"Saya merayu kepada kesatuan berkenaan supaya tidak meneruskan rancangan mengadakan piket kerana ia bukan cara bagi menyelesaikan masalah," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan KPPKTMB untuk mengadakan piket se-

cara aman pada setiap Sabtu selama tiga minggu mulai 23 September ini bagi menarik perhatian kerajaan terhadap tuntutan pelarasan gajiahnya.

Presiden KPPKTMB, Abdul Razak Md Hassan dalam sidang akhbarnya pagi ini, berkata tindakan berkenaan terpaksa dibuat berikutan keputusan Kementerian Kewangan menolak tuntutan itu.

Abdul Razak berkata, kesatuan juga kesal dengan tindakan kementerian itu menolak permintaan untuk mengadakan perbincangan walaupun permohonan sudah dikesmakan beberapa kali.

"Kesatuan memberi dua pilihan kepada pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berhubung tuntutan pelarasan gaji berikutan tamatnya Perjanjian Bersama antara pihak pengurusan

dan pekerja pada 31 Disember ini.

"Bagaimanapun, keduanya ditolak atas alasan ia tidak boleh dilaksanakan kerana prestasi kewangan syarikat yang tidak pernah mencatatkan keuntungan," katanya.

Katanya, keputusan penolakan tuntutan itu dinyatakan dalam surat bertarikh 4 September lalu yang ditandatangani oleh Pegawai Khas kepada Menteri Kewangan, See Ah Sing.

Antara tuntutan kesatuan itu ialah permintaan kenaikan gaji sebanyak tujuh peratus jika pembayaran dibuat mulai 1 Januari 1998 atau 11 peratus bagi bayaran mulai 1 Januari lalu.

"Perjanjian bersama ini digubal pada setiap tiga tahun sekali dan perjanjian terbaru berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998 dan

berakhir pada 31 Disember 2000.

"Jika pihak pengurusan hanya mahu membuat pembayaran pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus mulai 1 Januari 2000, ini bermakna kakitangan KTMB akan menanggung kerugian kerana hilang jumlah kenaikan gaji untuk setahun," katanya.

Justeru itu, hasil perbincangan dalam mesyuarat majlis eksekutif yang diadakan baru-baru ini bersetuju mengadakan piket di seluruh negara yang dijangka disertai lebih 1,000 ahli kesatuan itu.

Kesatuan itu yang dianggotai lebih 80 peratus kakitangan KTMB, juga menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini untuk mendapatkan perhatian beliau berhubung isu itu.